

TARIKH	7 OGOS 2025 (KHAMIS)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	SASAR LOJI NUKLEAR PERTAMA NEGARA BEROPERASI 2031		
M/S	20 (BISNES)	KATA KUNCI	NUCLEAR ENERGY, MALAYSIA
BIDANG	NUCLEAR		

Sasar loji nuklear pertama negara beroperasi 2031

Malaysia merancang untuk membangunkan semula program tenaga nuklearnya dengan sasaran untuk loji jana kuasa pertama mula beroperasi seawal tahun 2031, satu langkah yang dilihat penting bagi mencapai matlamat negara menuju pelepasan karbon sifar bersih.

Rancangan ini, yang terkandung di bawah Strategi A1.5 dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), meletakkan semula tenaga atom sebagai komponen utama dalam campuran tenaga negara pada masa hadapan.

Menurut laporan penyelidikan terkini oleh MBSB Research, langkah untuk meneroka semula tenaga nuklear adalah strategi serampang dua mata. Pertama, ia bertujuan untuk menyediakan sumber tenaga asas (base-load) yang stabil dan boleh dipercayai sepanjang masa.

Kedua, ia merupakan sumber tenaga rendah karbon yang mampu menyokong dan mengimbangi kelemahan sumber tenaga boleh baharu (TBB) seperti solar, yang penjanaan tidak konsisten dan bergantung pada keadaan cuaca.

“Tenaga nuklear menawarkan Malaysia satu kelebihan untuk menjamin kapasiti tenaga asas yang rendah karbon, menangani kebimbangan mengenai ketidaktentuan (sumber TBB) dan memperkukuh jaminan tenaga negara,” menurut laporan itu.

Bagi memastikan pelaksanaan program ini mengikut piawaian antarabangsa, MyPOWER Corporation telah dinamakan sebagai Organisasi Pelaksana Program Tenaga Nuklear negara, yang bertanggungjawab memastikan semua peraturan

daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dipatuhi.

Kerajaan juga dilaporkan sedang mengkaji penggunaan teknologi reaktor moden seperti Reaktor Modular Kecil (SMR) yang dianggap lebih selamat dan fleksibel.

Walau bagaimanapun, hasrat ini turut diiringi dengan cabaran besar yang perlu ditangani.

Laporan turut mengakui bahawa pembangunan tenaga nuklear memerlukan modal yang sangat besar, di samping tanggungjawab yang kompleks dalam pengurusan sisa radioaktif dan pematuhan kepada protokol keselamatan yang ketat.

Menyedari isu ini sangat sensitif dan sering menimbulkan kebimbangan dalam kalangan orang ramai, pihak kerajaan telah memberi jaminan bahawa sebarang keputusan tidak akan

dibuat secara terburu-buru.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam, Datuk Seri Fadillah Yusof, sebelum ini dilaporkan berkata bahawa kerajaan hanya akan memuktamadkan pelaksanaan program ini ‘apabila mereka berpuas hati dan apabila orang ramai menerimanya’.

Jaminan ini menekankan bahawa penerimaan dan keyakinan rakyat adalah prasyarat utama sebelum Malaysia mengambil langkah seterusnya dalam perjalanan untuk menjadi sebuah negara penjana kuasa nuklear.

Justeru, dekad akan datang bakal menjadi tempoh kritikal bagi negara untuk mengadakan wacana nasional, menimbang antara manfaat dan risiko, sebelum komitmen akhir dibuat.



**DISEDIAKAN
OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM